

## Pemikiran Siti Zainon Ismail dalam Buku Bergambar Kanak-kanak *Siri Sahabat Siti Kecil*

Kaithiri Arumugam<sup>1</sup>, Rohaya Md Ali<sup>2</sup> & Phat Awang Deng<sup>3</sup>  
<sup>1,2</sup>Universiti Utara Malaysia

### Article Info

**Received:**  
12 Feb 2020

**Accepted:**  
16 Mac 2020

**Publish**  
05 April 2020

#### **E-mail adress:**

\*corresponding Author :  
[\\*kaithiribala@yahoo.com](mailto:kaithiribala@yahoo.com)  
[\\*aya@uum.edu.my](mailto:aya@uum.edu.my)  
[\\*phat@uum.edu.my](mailto:phat@uum.edu.my)

e-ISSN 2682-759X

### Abstrak

*Pemikiran merupakan proses menggunakan akal fikiran oleh seseorang untuk menghasilkan sesuatu perkara atau menyelesaikan sesuatu masalah dalam kehidupan. Bahan-bahan bacaan yang dapat membentuk pemikiran kanak-kanak terdiri daripada pelbagai jenis buku khusus untuk bacaan kanak-kanak seperti novel kanak-kanak, cerpen, puisi dan buku bergambar kanak-kanak. Buku bergambar kanak-kanak ialah satu genre yang unik yang hanya terdapat dalam kesusasteraan kanak-kanak. Buku bergambar kanak-kanak dianggap unik kerana gambar dalam buku bergambar kanak-kanak memainkan peranan yang penting terhadap cerita yang disampaikan menerusi teksnya. Kajian ini dijalankan kerana aspek pemikiran dalam buku bergambar kanak-kanak masih belum dilakukan sepenuhnya sehingga kini. Dalam kajian ini, kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah kualitatif, iaitu kaedah analisis kandungan. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti pemikiran penulis Siti Zainon Ismail dalam buku bergambar kanak-kanak Siri Sahabat Siti Kecil dan menganalisis pemikiran penulis dalam buku bergambar berkenaan. Sehubungan dengan hal itu, kajian ini menerapkan unsur pemikiran daripada teori tempatan yang diperkenalkan oleh Mohd. Yusof Hassan iaitu Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K). Setelah diteliti, buku bergambar kanak-kanak karya Siti Zainon Ismail, iaitu Siri Sahabat Siti Kecil yang dipilih sememangnya mempunyai keempat-empat pemikiran, iaitu pemikiran kerohanian, kebitaraan, kesaintifikan dan kekreatifan yang sesuai untuk menyampaikan unsur positif kepada kanak-kanak. Penerapan teori SPB4K dalam buku bergambar kanak-kanak diharap dapat memberi nilai tambah kepada buku bergambar berkenaan dan dalam usaha membangunkan sahsiah kanak-kanak.*

Kata kunci: Buku bergambar kanak-kanak, Pemikiran, kanak-kanak

## Pengenalan

Buku bergambar kanak-kanak merupakan bahan bacaan berbentuk hiburan yang penting. Kanak-kanak secara semula jadinya mempunyai kecenderungan untuk membaca sesuatu bahan bacaan yang berunsur kreatif dan imaginatif. Anderson (2013,11) mendefinisikan buku bergambar kanak-kanak sebagai buku bergambar dengan plot yang terdiri daripada teks dan gambar yang menyampaikan jalan cerita yang sama. Mohd. Sidin Ahmad Ishak (2005,20) menjelaskan bahawa buku bergambar mengandungi gambar atau lukisan sebagai elemen yang lebih penting daripada teks. Molina (1981:6) berpandangan bahawa sebuah buku bergambar kanak-kanak yang bermutu ialah buku yang dapat menggabungkan teks dan gambar ke dalam satu ciptaan yang dapat mengekalkan mutu yang tinggi. Sehubungan dengan itu, buku bergambar kanak-kanak membolehkan kanak-kanak mudah tertarik dengan bahasa, gambar dan mempelajari konsep-konsep seperti saiz, warna, kebaikan dan keburukan dengan mudah. Hal ini demikian kerana, gambar-gambar yang disediakan bagi menyokong sesuatu penerangan atau huraian akan memberi bantuan yang besar bagi menambahkan ketepatan pembinaan konsep yang akan dikuasai oleh kanak-kanak (Atan Long, 1976,56).

Buku bergambar kanak-kanak penting dijadikan bahan bacaan dalam kalangan kanak-kanak kerana melalui proses pembacaan buku bergambar kanak-kanak, seseorang kanak-kanak dapat membentuk pemikiran, emosi, daya imaginasi dan keperibadian yang baik. Atan Long (1976,51) menyatakan bahawa para penulis perlu menyediakan bahan-bahan bacaan kanak-kanak yang sesuai dengan peringkat pemikiran pembacaannya dari segi konsep-konsep yang disampaikan mahupun dari segi bahasa yang digunakan. Oleh yang demikian, buku bergambar kanak-kanak perlu diberi penekanan yang lebih kerana melalui pembacaan buku bergambar kanak-kanak pemikiran kanak-kanak ke arah yang seimbang dapat dibentuk.

Pemikiran ialah kata nama terbitan daripada kata dasar fikir; asalnya daripada perkataan Arab iaitu *fikrun* atau *afkar* yang bererti fikiran (Othman Kelantan, 1997,5). Asmah Hj. Omar (1986,9) berpandangan bahawa pemikiran merupakan kaedah berfikir yang mempunyai konsep-konsep yang abstrak serta ada kaitan antara peringkat-peringkat pemikiran masyarakat yang menjadi tumpuan dan perhatian pengarang.

Pemikiran ialah teras tamadun sesuatu bangsa. Pemikiran adalah pengolahan bahan-bahan pengalaman yang telah dikuasai atau yang telah ada di dalam ingatan seseorang (Atan Long, 1976,50). Menurut Farra Humairah Mohd dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016, 36) pemikiran dalam karya sastera dilihat apabila pengarang mendedahkan dan menghubungkan pertalian antara sesuatu peristiwa atau situasi. Pemikiran menjadi inti dan unsur paling dasar dalam kehidupan, terutamanya dalam memberi penyelesaian terhadap beberapa persoalan yang besar. Dalam konteks kanak-kanak, Atan Long (1976,54) menyatakan:

Kecerdasan otak menjadi alat yang penting di dalam proses pemikiran. Kanak-kanak dapat membentuk konsep-konsep baharu melalui rangsangan-rangsangan yang diterima olehnya melalui pembacaan. Secara tidak langsung konsep-konsep baharu yang diterima olehnya akan diolah di dalam proses pemikiran.

Sejajar dengan itu, dapat disimpulkan bahawa pemikiran yang terdapat dalam buku bergambar kanak-kanak penting kerana melalui pembacaan kanak-kanak boleh mengolah konsep-konsep baharu yang diterima melalui rangsangan seterusnya membolehkan kanak-kanak berfikir untuk menyelesaikan sesuatu masalah.

Dalam kajian ini, buku bergambar kanak-kanak dipilih kerana buku bergambar kanak-kanak yang terdiri daripada kombinasi teks dan gambar dapat menarik minat kanak-kanak untuk membaca dan secara tidak langsung dapat membentuk pemikiran kanak-kanak sejak mereka kecil lagi. Oleh hal yang demikian, dalam kajian ini pengkaji memilih untuk merungkaikan

pemikiran Siti Zainon Ismail dalam siri *Sahabat Siti Kecil* dari perspektif Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) yang dipelopori oleh Mohd. Yusof Hasan (2007).

Penulis buku kanak-kanak berperanan penting untuk menyediakan bahan-bahan bacaan kanak-kanak yang sesuai untuk peringkat pemikiran pembacaannya baik dari segi konsep-konsep yang hendak disampaikan mahupun dari segi bahasa yang digunakan (Atan Long, 1976,55). Memandangkan hal ini dalam kajian ini, pengkaji memilih pemikiran Sasterawan Negara Siti Zainon Ismail yang dilihat ada membincangkan aspek pemikiran yang sesuai untuk kanak-kanak. Dalam *Siri Sahabat Siti Kecil*, Siti Zainon Ismail mengolah idea beliau secara kreatif sama ada secara tersurat atau tersirat. Gambar-gambar yang terdapat dalam buku bergambar kanak-kanak ini membantu merangsang pemahaman kanak-kanak tentang situasi yang berlaku di sekeliling mereka. Secara tidak langsung, gambar-gambar yang terdapat dalam buku bergambar kanak-kanak *Siri Sahabat Siti Kecil* berperanan memberikan penjelasan yang baik kepada kanak-kanak serta menambahkan minat kanak-kanak untuk membaca tanpa rasa jemu.

## Sorotan Kajian

Nor Huda Ahmad Razali dan Norazimah Zakaria (2018) telah mengkaji pemikiran wanita Melayu iaitu tokoh Puteri Sa'dung dalam teks histografi *Hikayat Seri Kelantan*. Objektif kajian ini adalah untuk mengungkapkan aspek keintelektualan yang diperlihatkan melalui pemikiran tokoh Puteri Sa'dung dalam teks *Hikayat Seri Kelantan* dengan penerapan teori SPB4K. Hasil kajian membuktikan bahawa pemikiran kerohanian, pemikiran kebitaraan, pemikiran kesaintifikan dan pemikiran kekreatifan dapat memperlihatkan keistimewaan tokoh dari segi hubungan dengan Tuhan dan sesama manusia serta kemahiran tokoh tersebut menyelesaikan masalah. Oleh hal yang demikian, kajian ini mendapati bahawa pengaplikasian teori SPB4K juga sesuai untuk menganalisis aspek pemikiran yang terdapat dalam teks tradisional.

Selain itu, Farra Humairah Mohd. dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016) telah menjalankan kajian untuk membincangkan pemikiran kerohanian yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak terpilih. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti dan menganalisis pemikiran kerohanian daripada Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K). Pemikiran kerohanian dipilih oleh pengkaji untuk melihat sama ada pemikiran kerohanian yang diungkapkan oleh pengarang dalam setiap karya yang dipilih memberi kesan positif atau sebaliknya. Hasil kajian mendapati bahawa dalam cerpen kanak-kanak yang dipilih, pengarang sememangnya menerapkan unsur pemikiran kerohanian yang memberi kesan positif kepada kanak-kanak. Batasan kajian ini hanya meliputi pemikiran kerohanian yang terdapat dalam cerpen-cerpen terpilih. Rumusnya, kajian ini tidak menyentuh aspek pemikiran yang lain seperti yang terdapat dalam Teori SPB4K, iaitu pemikiran kebitaraan, pemikiran kesaintifikan dan pemikiran kekreatifan.

Kajian Norazimah Zakaria, Naffi Mat, Hasrina Baharum dan Minah Sintian (2016) dijalankan untuk meneliti pemikiran kreatif masyarakat Melayu melalui teks sastera tulisan dan lisan terpilih. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti unsur pemikiran kreatif yang terdapat dalam pantang larang, peribahasa dan *Sejarah Melayu* serta menghuraikan peranan unsur pemikiran kreatif terhadap pembentukan sahsiah pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pemikiran kreatif yang terdapat dalam sastera Melayu tradisional seperti pantang larang, peribahasa dan teks *Sejarah Melayu* mampu membangunkan sahsiah pelajar. Pendek kata, kajian ini hanya menggunakan pemikiran kreatif pengarang untuk mengenal pasti unsur pemikiran yang terdapat dalam teks sastera tulisan dan lisan.

Kajian seterusnya oleh Arba'ie Sujud, Salihahs Razak dan Siti Rabiatul Adawiah Jaffar (2015) untuk meneliti pemikiran politik dari sudut pemimpin dan kepimpinan dalam novel Shanon Ahmad iaitu Novel *Shit* dan Novel *Patriarch*. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis pemikiran politik pemimpin dan kepimpinan yang terdapat

dalam novel-novel Shahnnon Ahmad. Pengkaji menggunakan Teori Konseptual Kata Kunci dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati bahawa dalam kedua-dua buah novel Shahnnon Ahmad sememangnya terdapat pemikiran politik tentang pemimpin dan kepimpinan yang melihat kepada sikap pemimpin yang berperwatakan negatif dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan. Kajian juga menunjukkan bahawa kedua-dua buah novel Shahnnon Ahmad mempunyai aspek pemikiran politik pemimpin dan kepimpinan berdasarkan analisis Teori Konseptual Kata Kunci. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk melihat perkaitan pemikiran pengarang yang pernah melibatkan diri dengan dunia politik dan terkenal sebagai novelis politik tanah air.

Kajian Mahaletchimi Balakrishnan (2011) dijalankan untuk memperjelaskan unsur-unsur pemikiran bersepadu 4K, unsur-unsur pengajaran dan nilai-nilai murni dalam petikan prosa Melayu tradisional KOMSAS. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis pemikiran bersepadu 4K dalam prosa Melayu tradisional KOMSAS serta mengenal pasti dan menganalisis unsur-unsur pengajaran dan nilai murni dalam prosa Melayu tradisional KOMSAS dengan menggunakan teori SPB4K. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif. Pengkaji telah mengaplikasi Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K yang terdiri daripada pemikiran kerohanian, pemikiran kebitaraan, pemikiran kesaintifikan dan pemikiran kekreatifan dalam mengkaji teks-teks asal petikan tradisional KOMSAS yang berjumlah sebanyak 20 puluh petikan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa prosa Melayu tradisional mampu menjana pemikiran-pemikiran pembaca untuk membuat pertimbangan, perhitungan, penelitian, pendapat dan berupaya menggunakan akal fikiran untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Kajian ini juga membuktikan bahawa petikan prosa Melayu tradisional mampu menyemai nilai-nilai murni melalui empat pemikiran yang dikemukakan dalam teori SPB4K. Oleh itu, kajian ini menunjukkan bahawa walaupun secara umumnya pengarang teks prosa tradisional tidak diketahui namun pemikiran yang terdapat dalam prosa tradisional ini bertepatan dengan pendidikan kanak-kanak dan remaja.

Kajian Siti Khariah Mohd Zubir dan Norol Nizam Sarkawi (2011) telah menjalankan kajian untuk meneliti aspek pemikiran pengarang dalam Novel *Jeriji Kasih* karya Ramlah Abdul Rashid. Kajian ini menggunakan Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K). Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat kesepaduan pemikiran yang digarap oleh pengarang, melihat keseimbangan empat aspek pemikiran, iaitu pemikiran kerohanian, pemikiran kebitaraan, pemikiran kesaintifikan dan pemikiran kekreatifan serta mengenal pasti pemikiran pengarang yang berhubung kait dengan masyarakat, karya dan pembaca. Hasil kajian mendapati bahawa penggunaan teori SPB4K sesuai untuk mengkaji kesepaduan dan keseimbangan nilai yang perlu ada pada diri seseorang manusia. Kajian ini juga membuktikan bahawa pemikiran pengarang, teknik kepengarangan atau aspek gaya bahasa yang digunakan oleh pengarang untuk menghidupkan cerita sesuai digunakan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Oleh hal yang demikian, kajian ini dianggap kajian yang menerangkan teori SPB4K dengan jelas kerana mengaplikasikan keempat-empat pemikiran yang dapat dilihat melalui watak-watak yang terdapat dalam novel tersebut.

## **Pernyataan Masalah**

Permasalahan bagi kajian ini dicetuskan daripada kenyataan yang dikeluarkan oleh Arba'ie Sujud (2009,1) yang menyatakan bahawa:

Dunia kritikan sastera kanak-kanak dan remaja dari dahulu sehingga kini masih terpinggir. Sumbangan para sarjana dan pengkritik dalam pelbagai disiplin yang ada kaitannya dengan dunia kanak-kanak dan remaja itu sendiri agak ketinggalan. Kritikan terhadap sastera lain lebih mendapat

tempat. Tanggapan segelintir masyarakat terhadap sastera kanak-kanak dan remaja agak negatif.

Permasalahan ini menunjukkan bahawa kajian dan penyelidikan tentang kesusasteraan kanak-kanak masih berada pada tahap yang kurang memuaskan walaupun kesusasteraan kanak-kanak berperanan penting dalam mendidik kanak-kanak. Senario ini menunjukkan bahawa kajian tentang sastera kanak-kanak dan bahan bacaan kanak-kanak perlu dijalankan supaya bidang kesusasteraan kanak-kanak di Malaysia tidak ketinggalan.

Selain itu, berdasarkan sorotan literatur yang telah dijalankan, didapati bahawa para sarjana lebih menjalankan kajian tentang pemikiran dalam karya sastera umum berbanding karya kesusasteraan kanak-kanak. Misalnya kajian yang telah dilakukan oleh Nor Huda Ahmad Razali dan Norazimah Zakaria (2018), Farra Humairah Mohd. dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016), Norazimah Zakaria, Naffi Mat, Hasrina baharum dan Minah Sintian (2016), Arba'ie Sujud, Salihahs Razak dan Siti Rabiatul Adawiah Jaffar (2015), Mahaletchimi Balakrishnan (2011) dan Siti Khariah Mohd. Zubir dan Norol Nizam Sarkawi (2011). Kajian-kajian yang dilakukan ini lebih berfokus kepada menganalisis pemikiran yang terdapat dalam karya sastera umum seperti dalam teks histografi, teks sastera tulisan dan lisan, novel dan petikan prosa Melayu tradisional. Hal ini menunjukkan bahawa kajian tentang pemikiran dalam karya kesusasteraan kanak-kanak masih belum dilakukan sepenuhnya walaupun pernah ada kajian dilakukan tentang pemikiran dalam cerpen kanak-kanak.

Soroton literatur ini menunjukkan bahawa terdapat lompong yang ketara dari segi pemikiran pengarang dalam karya sastera kanak-kanak. Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti dan menganalisis pemikiran pengarang dalam karya kesusasteraan kanak-kanak khususnya dalam karya buku bergambar kanak-kanak.

Berdasarkan permasalahan yang dijelaskan di atas, maka kajian perlu dijalankan bagi mengisi kekosongan-kekosongan yang wujud dalam bidang kesusasteraan kanak-kanak. Selain itu, kajian ini wajar dijalankan untuk menyumbang pengetahuan dalam bidang kesusasteraan kanak-kanak.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini adalah:

- i. Mengetahui mengenai pemikiran penulis dalam buku bergambar kanak-kanak Siri *Sahabat Siti Kecil*.
- ii. Menganalisis pemikiran penulis dalam buku bergambar kanak-kanak Siri *Sahabat Siti Kecil*.

## **Methodologi**


Dalam kajian ini, kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji ialah kaedah kualitatif. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan (*content analysis*). Krippendorff (2004,18) menyatakan bahawa dalam kaedah analisis kandungan hasil kesenian, imej, peta, bunyi, tanda, simbol dan rekod berangka juga termasuk sebagai data kajian. Kaedah analisis kandungan juga sesuai digunakan untuk menjalankan kajian dalam buku kanak-kanak kerana kaedah kajian ini lebih bersistematik. Hal ini turut dikemukakan oleh Bekkedal (1973,110) yang mengatakan

bahawa “...content analysis offers a sound approach to research on children’s books because it is an objective, systematic, and quantitative method of describing content”.

Sehubungan dengan itu, kaedah analisis kandungan dipilih untuk menganalisis teks dan gambar yang terdapat dalam buku bergambar kanak-kanak kerana analisis data bagi kajian ini bersumberkan kandungan teks dan gambar yang terdapat dalam buku bergambar kanak-kanak yang dipilih. Dalam konteks kajian ini, pengkaji akan menggunakan keempat-empat unsur pemikiran yang terdapat dalam Teori SPB4K iaitu pemikiran kerohanian, pemikiran kebitaraan, pemikiran kreatififan dan pemikiran kesaintifikan. Teori SPB4K digunakan dalam kajian ini untuk memperlihatkan pemikiran pengarang melalui teks dan juga melalui gambar yang dilukis sendiri oleh pengarang.

### Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K)

Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) diperkenalkan oleh Mohd. Yusof Hasan (2007). Teori SPB4K berteraskan kepada falsafah kesepaduan pemikiran. Kesepaduan ini mestilah wujud dalam diri setiap individu supaya menjadi kemahiran dan amalan dalam kehidupan seharian. Menurut Mohd. Yusof Hasan (2007) pemikiran yang perlu disepadukan itu ialah pemikiran kerohanian, kebitaraan, kesaintifikan dan kreatififan. Keempat-empat kemahiran pemikiran ini perlu dimiliki secara seimbang, bertimbang balik dan bukannya secara berasingan. Rajah 1 menggambarkan keempat-empat jenis pemikiran yang terdapat dalam Teori 4K (SPB4K) seperti berikut:



Rajah 1: Teori SPB4K Mohd. Yusof Hasan (2007,14).



Pemikiran kerohanian ialah pemikiran yang suci murni, tinggi darjatnya kudus sifatnya dan syahdu martabatnya. Menurut Mohd. Yusof Hasan (2012,32) dengan memiliki pemikiran kerohanian dan penerapan ilmu-ilmu yang bersangkutan dengannya, maka manusia akan menjadi makhluk yang sempurna dengan lengkap sebagai hamba Tuhan. Pemikiran kerohanian ini berkaitan dengan unsur keagamaan, ketauhidan dan keesaan Tuhan. Dalam konteks agama Islam, pemikiran kerohanian menunjukkan hubungan dan komunikasi manusia secara vertikal dan horizontal. Hubungan manusia secara vertikal ialah manusia sebagai hamba sekali gus sebagai khalifah yang berhubungan secara terus dengan Tuhan. Seterusnya, hubungan manusia secara horizontal pula melibatkan hubungan manusia sesama manusia dan alam.

Pemikiran kebitaraan merupakan pemikiran yang berkaitan dengan perkembangan otak manusia yang melibatkan kemahiran kecemerlangan, kegemilangan, kebestarian dan kepandaian. Pemikiran kebitaraan ini hanya khusus untuk satu peringkat awal kejadian manusia, iaitu daripada kandungan rahim hingga kepada umur kanak-kanak. Pemikiran kebitaraan dalam karya sastera adalah untuk memperlihatkan dan menampilkan watak-watak yang cemerlang, bijaksana, bestari dan hebat dalam menyelesaikan sesuatu konflik supaya menjadi pengajaran kepada pembaca.

Pemikiran kesaintifikan ialah pemikiran yang bersifat logik, saintifik yang membawa kebenaran, kepastian, ketepatan dan kegunaan fakta dan angka. Pertuturan, pembacaan dan pendengaran manusia harus menggunakan ilmu logik. Logik merupakan proses penaakulan yang membawa kepada keputusan seperti idea dan fakta. Sesebuah karya yang berteraskan pemikiran kesaintifikan perlu mengemukakan latar belakang yang benar-benar wujud, menggunakan latar tempat yang indah permai, suasana yang kondusif, zaman yang relevan dan waktu yang jelas.

Pemikiran kekreatifan ialah pemikiran yang bersifat lateral yang membawa maksud inovatif, kreatif, idea baharu, kesenian, keindahan dan kecantikan. Objektif pemikiran ini adalah untuk memahami kepentingan pemikiran dan tempatnya dalam pemikiran manusia. Dalam pemikiran kekreatifan, seseorang dapat menambahkan kesedaran tentang cara mengembangkan dan mempergunakan kreativiti dalam diri dengan mempelajari perbezaan penting antara kaedah-kaedah penyelesaian masalah dan membuat sesuatu keputusan. Dalam sesebuah karya, seseorang pengarang yang mempunyai kemahiran pemikiran kekreatifan seharusnya menampilkan teknik penceritaan yang kreatif dan bermutu tinggi.

Pengkaji telah memilih enam buah buku bergambar kanak-kanak yang terdapat dalam *Siri Sahabat Siti Kecil* karya Siti Zainon Ismail untuk dibincangkan kerana Siti Zainon Ismail merupakan seorang penerima Anugerah S.E.A Write pada tahun 1989 dan baru-baru ini dinobatkan sebagai Sasterawan Negara bagi tahun 2019. Buku bergambar kanak-kanak yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti yang dilampirkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Judul buku bergambar kanak-kanak dalam *Siri Sahabat Siti Kecil* karya Siti Zainon Ismail yang dipilih.

BIL	JUDUL BUKU	TAHUN	TERBITAN
1	<i>Angsa Istana Si jambul Desa</i>	2014	Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM)
2	<i>Cik Bunga Rantau Abang</i>	2016	Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM)
3	<i>Sahabat Si Bulu Cantik</i>	2016	Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM)
4	<i>Zaman Cicak dan Mengkarung</i>	2016	Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM)

## Perbincangan Kajian

### i. Pemikiran Kerohanian

Pemikiran kerohanian berkaitan dengan ketuhanan, keimanan, keagamaan, dan keesaan Tuhan (Mohd. Yusof Hasan, 2007, 34). Siti Khariah Mohd. Zubir dan Nur Aisyah Abdullah (2015, 154) menjelaskan bahawa pemikiran kerohanian merupakan pemikiran yang berunsurkan keimanan dan keagamaan yang membawa manusia ke arah menjadi manusia yang soleh dan solehah. Menurut Farra Humairah Mohd. dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016, 40) aspek-aspek kerohanian yang berlandaskan al-Quran, yang menjadi landasan utama dalam pemikiran kerohanian bagi mendekati sesuatu peristiwa atau perwatakan seseorang sama ada dalam realiti mahupun dalam sesebuah karya. Pemikiran kerohanian meliputi pemikiran yang mementingkan unsur keagamaan, ketauhidan dan kepatuhan kepada Tuhan yakni hubungan manusia dengan Tuhan dan hubungan manusia sesama manusia dan alam.

Melalui buku bergambar ini, pengkaji mendapati hubungan manusia dengan Tuhan dapat dilihat dalam buku bergambar kanak-kanak *Sahabat Si Bulu Cantik* yang menerapkan hubungan manusia dengan Tuhan iaitu kesyukuran kepada Tuhan. Hal ini dapat dilihat melalui teks dan gambar dalam Rajah 2 di bawah:



Rajah 2: Pemikiran kerohanian dalam buku bergambar kanak-kanak *Sahabat Si Bulu Cantik*



Teks puisi di atas menggambarkan kehidupan di negeri tropika sangat harmoni sehingga ikan pun berenang riang. Gambar matahari dan ikan yang berwajah gembira turut menunjukkan bahawa kehidupan di negeri tropika harmoni. Oleh hal yang demikian, menerusi teks dan gambar pengarang meminta pembaca supaya mensyukuri nikmat Tuhan kerana dikurniakan kehidupan yang harmoni.

Selanjutnya, hubungan manusia sesama manusia diterapkan oleh pengarang melalui sifat menjaga hubungan baik sesama jiran. Dalam buku bergambar kanak-kanak *Anak Kambing Sungai Air Tawar* yang dikaji, pengkaji mendapati terdapatnya teks dan ilustrasi yang menggambarkan watak sebagai menjaga hubungan baik sesama jiran. Hal ini dapat dibuktikan melalui Rajah 3 di bawah:




Rajah 3: Pemikiran kerohanian dalam buku bergambar kanak-kanak *Anak Kambing Sungai Air Tawar*

Teks puisi di atas adalah tentang watak ibu yang minum petang bersama jiran. Ibu dan jiran menikmati minum petang sambil bercerita dan gelak ketawa. Ibu dan jiran tidak bercerita tentang cerita buruk sangka demi mengelakkan rasa marah jiran tetangga. Ibu dan jiran berbuat demikian untuk menjaga hati jiran agar dapat hidup dalam suasana yang damai. Gambar di atas menunjukkan bahawa dua ekor kambing yang berperanan sebagai watak ibu dan jiran sedang menikmati minum petang dalam suasana yang aman. Teks dan gambar dalam Rajah 3 membuktikan bahawa pengarang menerapkan pemikiran kerohanian melalui sifat menjaga hubungan baik sesama jiran melalui watak kambing yang terdapat dalam buku bergambar kanak-kanak ini.

ii. *Pemikiran Kebitaraan*

Menurut Mohd Yusof Hasan (2007,15) pemikiran kebitaraan merupakan pemikiran yang berkaitan dengan perkembangan otak manusia yang membawa kepada kemahiran kecemerlangan, kegemilangan, kebestarian dan kepandaian. Siti Khariah Mohd Zubir dan Nur Aisyah Abdullah (2015,150) menjelaskan bahawa penggunaan pemikiran kebitaraan dalam karya sastera adalah untuk memperlihatkan dan menampilkan watak- watak yang cemerlang, bijaksana, bestari dan hebat. Pengkaji mendapati bahawa pemikiran kebitaraan dapat dilihat dalam buku bergambar kanak-kanak *Cik Bunga Rantau Abang*. Hal ini dapat dilihat melalui Rajah 4 di bawah:




Rajah 4: Pemikiran kerohanian dalam buku bergambar kanak-kanak *Cik Bunga Rantau Abang*

Teks puisi di atas adalah tentang kebijaksanaan watak penyu iaitu Cik Bunga menyembunyikan beratus biji telur daripada diambil oleh Pak Pengintip. Cik Bunga menggantikan telur-telur penyu dengan bola golf yang keras. Hal ini menyebabkan Pak Pengintip tidak dapat mengutip telur penyu. Cik Bunga bertindak dengan bijak untuk menyelamatkan zuriat penyu. Gambar di atas turut menunjukkan seekor penyu memegang beberapa biji golf. Teks dan gambar dalam Rajah 4 membuktikan bahawa pengarang menerapkan pemikiran kebitaraan

iaitu dengan menggambarkan kebijaksanaan watak penyu mencari helah dengan menggantikan telur penyu dengan bola golf demi menyelamatkan zuriat penyu daripada dimusnahkan oleh manusia.

iii. *Pemikiran Kesaintifikan*

Siti Khariah Mohd Zubir dan Nur Aisyah Abdullah (2015,164) menjelaskan pemikiran kesaintifikan sebagai pemikiran yang bersifat logik, objektif, saintifik, berfakta, berangka, tersurat, konkrit yang membawa kepada kebenaran, kepastian, ketepatan dan kegunaan fakta dan angka. Prinsip logik, kebenaran, kepastian, ketepatan dan kesahihan tergolong dalam pemikiran kesaintifikan. Melalui kajian yang dilakukan, pengkaji telah mendapati bahawa pemikiran kesaintifikan ada diterapkan oleh pengarang dalam buku bergambar kanak-kanak *Angsa Istana Si Jambul Desa* yang dikaji. Hal ini dapat dilihat melalui teks dan ilustrasi dalam Rajah 5 di bawah:



Rajah 5: Pemikiran kesaintifikan dalam buku bergambar kanak-kanak *Angsa Istana Si Jambul Desa*

Teks puisi di atas adalah tentang cara telur menetas. Telur yang sudah tiba waktunya akan menetas dan burung, itik atau angsa yang akan mengeluarkan kepala terlebih dahulu baru diikuti oleh badan. Gambar di atas menunjukkan seorang puteri sedang melihat cara telur menetas. Teks dan gambar dalam Rajah 5 membuktikan bahawa pengarang menerapkan pemikiran kesaintifikan dengan cara menunjukkan cara telur menetas.



iv. *Pemikiran Kekreatifan*

Mohd. Yusof Hasan (2004,43) menjelaskan pemikiran kekreatifan sebagai sebuah pemikiran yang tersusun, sistematik dan berdasarkan kaedah saintifik. Bagi Siti Khariah Mohd. Zubir dan Norol Nizam Sarkawi (2011,164) pula, pemikiran kekreatifan ialah sesuatu yang kreatif, inovatif, imaginatif, subjektif dan tersirat yang selalunya dikaitkan dengan penggunaan otak kanak. Pengkaji mendapati bahawa terdapat aspek pemikiran kekreatifan yang digunakan oleh pengarang dalam buku bergambar kanak-kanak *Zaman Cicak dan Mengkarung*. Hal ini dapat dilihat melalui teks dan ilustrasi dalam Rajah 6 di bawah:



Rajah 6: Pemikiran kekreatifan dalam buku bergambar kanak-kanak *Zaman Cicak dan Mengkarung*

Teks puisi di atas adalah tentang kekreatifan watak cicak mengajak mengkarung naik ke dalam rumah iaitu dengan menghulurkan tali bersimpul dari dalam rumah. Gambar di atas menunjukkan dua ekor cicak menghulurkan tali bersimpul kepada dua ekor mengkarung yang berada di luar. Teks dan gambar dalam Rajah 6 menunjukkan kekreatifan yang diterapkan oleh pengarang melalui watak cicak dan mengkarung.

Disamping itu, pengkaji mendapati bahawa pemikiran kekreatifan dapat dilihat pada lukisan-lukisan oleh Siti Zainon Ismail. Dalam buku bergambar kanak-kanak *Siri Sahabat Siti Kecil* yang dikaji kesemua gambar yang dilukis oleh pengarang sendiri menggambarkan watak haiwan yang berperwatakan manusia. Gambar dalam kesemua buku bergambar kanak-kanak yang dikaji penting untuk memberikan makna tambah kepada teks puisi.

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dalam buku bergambar kanak-kanak *Siri Sahabat Siti Kecil* yang dikaji, terdapat empat aspek pemikiran dalam teori SPB4K, iaitu pemikiran kerohanian, pemikiran kebitaraan, pemikiran kesaintifikan dan pemikiran kekreatifan. Berdasarkan penelitian, keempat-empat pemikiran ini diterapkan oleh pengarang melalui teks puisi dan gambar yang terdapat dalam buku bergambar kanak-kanak *Siri Sahabat Siti Kecil*. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa pengarang mahir menerapkan pemikiran yang sesuai dengan tahap umur kanak-kanak.

Pemikiran pengarang yang ditonjolkan melalui watak haiwan yang terdapat dalam buku bergambar kanak-kanak ini boleh dijadikan contoh dan pengajaran yang berguna kepada kanak-kanak pada zaman ini. Teks dan gambar dalam buku bergambar kanak-kanak ini sememangnya sesuai digunakan untuk bacaan kanak-kanak di sekolah. Setelah menganalisis kelima-lima buah buku bergambar kanak-kanak dalam *Siri Sahabat Siti Kecil*, pengkaji mendapati bahawa sememangnya semua aspek pemikiran yang terdapat dalam teori SPB4K diterapkan oleh pengarang dalam karyanya melalui teks puisi dan juga melalui ilustrasi.

## Rujukan

- Anderson, N.(2013). *Elementary children's literature*. United State of America: Pearson.
- Arba'ie Sujud (2009). Menjelajah dimensi sastera kanak-kanak dan remaja di Malaysia: Suatu penelitian. *Seminar Sehari Kesusasteraan Kanak-kanak & Remaja*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Arba'ie Sujud, Salihahs Razak & Siti Rabiatul Adawiah Jaffar. (2015). Pemikiran politik: pemimpin dan kepemimpinan dalam novel Shahnnon Ahmad. *Internasional Journal of the Malay World and Civilisation*. 3 (1), 67-78.
- Asmah Haji Omar. (1986). *Bahasa dan alam pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Atan Long. (1976). Pembentukan pemikiran kanak-kanak melalui pembacaan. Dalam Othman Puteh & Abdul Ahmad. *Sekitar sastera kanak-kanak dan remaja* (hlm49-58). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Bekkedal, T,K. (1973). Content analysis of children's book. *Library Trends*. 22 (2),109-126.
- Farra Humairah Mohd. & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2016). Pemikiran kerohanian dalam cerpen kanak-kanak pilihan mutakhir kesan positif kepada kanak-kanak. *Journal of Malay Language, Education and Literature*, 7, 35-51.
- Krippendorff, K. (2004). *Content analysis: an introduction to its methodology*. (2nd edition). California: Sage Publication.



- Mahaletchimi Balakrishnan. (2010). *Pemikiran bersepadu dalam prosa Melayu tradisional komsas*. [Tesis PHD Sastera Melayu]. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Putra Malaysia.
- Mohd. Sidin Ahmad Ishak. (2005). *Perkembangan sastera kanak-kanak di Malaysia*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Mohd. Yusof Hasan. (2004). *Pembinaan paradigma pemikiran peradaban Melayu*. Tanjung Malim: Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd. Yusof Hasan. (2007). *Teori pemikiran pendidikan global*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd. Yusof Hasan. (2012). *Minda Melayu global*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Molina.(1981). Apakah sastera kanak-kanak-khasnya buku bergambar. Dalam Othman Puteh & Abdul Ahmad. *Sekitar sastera kanak-kanak dan remaja* (hlm1-15). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Norazimah Zakaria, Naffi Mat, Hasrina Baharum & Minah Sintian. (2016). Unsur pemikiran kreatif masyarakat Melayu tradisi melalui teks sastera tulisan dan lisan terpilih. *Journal of Social Science*, 2, 67-74.
- Nor Huda Ahmad Razali & Norazimah Zakaria. (2018). Pemikiran Puteri Sa'dung dalam Hikayat Seri Kelantan. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. 11 (1), 70-87.
- Othman Kelantan. (1997). *Pemikiran satira dalam novel Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Siti Khariah Mohd. Zubir. (2011). Pemikiran pengarang dalam Novel Jeriji Kasih karya Ramlah Abdul Rashid. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa*, 17, 147-169.
- Siti Khariah Mohd. Zubir & Nur Aisyah Abdullah. (2015). Pemikiran Khadijah Hashim dalam Novel Badai Semalam dan Laila Azwa Gadisku untuk membangunkan sahsiah belia. *Jurnal Bahasa dan Sastera Melayu*, 5, 145-173.
- Siti Zainon Ismail. (2014). *Angsa Istana Si Jambul Desa*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Siti Zainon Ismail. (2016). *Cik Bunga Rantau Abang*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Siti Zainon Ismail. (2016). *Sahabat Si Bulu Cantik*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.

Siti Zainon Ismail. (2016). *Zaman Cicak dan Mengkarung*.  
Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.

Siti Zainon Ismail. (2016). *Anak Kambing Sungai Air Tawar*.  
Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.